

**GARIS PANDUAN
ANUGERAH INOVASI DARUL RIDZUAN (AIDR)
PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN 2025**

1. TUJUAN

Garis Panduan (GP) ini bertujuan untuk **membantu Persatuan-persatuan/ Pertubuhan/ Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) dan Individu perseorangan** yang berminat untuk mengemukakan permohonan bagi menyertai **Anugerah Inovasi Darul Ridzuan (AIDR)** Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan Tahun 2025. GP ini menggariskan syarat penyertaan, tatacara permohonan, format pertandingan, garis panduan penyediaan laporan, video dan poster, format laporan permohonan, proses pemilihan pemenang dan kriteria penilaian AIDR Tahun 2025.

2. OBJEKTIF

- 2.1 Membangunkan serta mengembangkan kemahiran berfikir secara inovatif dan kreatif dalam bidang sains dan teknologi pada penghasilan produk yang **dapat membantu kehidupan harian masyarakat** khususnya di luar bandar;
- 2.2 Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam persekitaran kehidupan seharian masyarakat di Negeri Perak;
- 2.3 Mempromosi dan menonjolkan produk/ hasil inovasi terbaik sebagai bentuk galakan kepada masyarakat;
- 2.4 Memberikan pengiktirafan kepada produk/ hasil inovasi terbaik sebagai bentuk galakan kepada masyarakat.

3. HADIAH PENGHARGAAN

Pemenang AIDR Peringkat Negeri Perak Tahun 2025 akan menerima hadiah;

PERTAMA	Wang Tunai RM10,000.00 , Piala dan Sijil Penghargaan
KEDUA	Wang Tunai RM8,000.00 , Piala dan Sijil Penghargaan
KETIGA	Wang Tunai RM5,000.00 , Piala dan Sijil Penghargaan

4. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada **semua Persatuan-persatuan/ Pertubuhan/ Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) dan Individu perseorangan di Negeri Perak Darul Ridzuan** dengan **maksimum dua (2) penyertaan** yang telah diiktiraf daripada **pihak pengurusan/ penghulu/ ketua kampung** masing-masing bagi kategori ini;
- 4.2 Permohonan menyertai AIDR Peringkat Negeri Perak Tahun 2025 hendaklah dibuat menggunakan Borang Permohonan yang disediakan oleh urus setia. **Satu (1) borang bagi satu (1) projek inovasi** yang ingin dipertandingkan;
- 4.3 Projek Inovasi yang **tidak layak menyertai Pertandingan Anugerah Inovasi** ialah;
- 4.3.1 Projek Inovasi yang telah memenangi mana-mana pertandingan di peringkat kebangsaan atau setaraf atau lebih tinggi anjuran agensi dalam negara atau luar negara pada tahun ini atau tahun-tahun sebelumnya; dan
- 4.3.2 Projek yang dibangunkan menggunakan peruntukan/ dana/ geran yang berkaitan penyelidikan (R&D).

- 4.4 Inovasi yang dipertandingkan adalah merupakan inovasi yang dihasilkan oleh persatuan/ NGO/ Individu sahaja dan tidak pernah dipertandingkan di mana-mana pertandingan inovasi di peringkat negeri dan ke atas;
- 4.5 **Penyertaan sektor swasta adalah tidak dibenarkan;**
- 4.6 Inovasi yang layak dipertandingkan adalah berusia dalam tempoh 3 tahun mulai tahun **2023, 2024, dan 2025;**
- 4.7 Bilangan minimum ahli bagi setiap kumpulan yang mengambil bahagian adalah **seorang (1)** dan bilangan maksimum adalah seramai **sepuluh (10) orang** sahaja;
- 4.8 Inovasi yang dihasilkan boleh bersifat **Inovasi Penciptaan** (penciptaan suatu produk, perkhidmatan atau proses baharu dan belum pernah dilaksanakan di Malaysia) atau **Inovasi Penambahbaikan** (penambahbaikan sesuatu produk, perkhidmatan atau proses sedia ada melalui kaedah yang inovatif);
- 4.9 Produk atau inovasi boleh menggunakan Bahasa Melayu;
- 4.10 Tarikh tutup penyertaan ditetapkan pada **15 JULAI 2025;**
- 4.11 Kos projek/ hasil inovasi adalah menjadi tanggungjawab setiap peserta;
- 4.12 **Tiada sebarang yuran** penyertaan dikenakan;
- 4.13 Peserta yang **tidak hadir semasa sesi penjurian** tanpa sebab atau alasan yang dibenarkan oleh pihak urus setia di Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dianggap **terbatal secara serta-merta;**

- 4.14 Pihak penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana penyertaan sekiranya didapati maklumat yang diberikan tidak benar atau menyalahi hak cipta;
- 4.15 Projek/ Hasil Ciptaan Inovasi yang terpilih akan didaftarkan di bawah nama Kerajaan Negeri Perak dan menjadi hak cipta Kerajaan Negeri Perak. Pembayaran bagi pendaftaran hak cipta tersebut akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri Perak serta 10 peratus hasil pengkomersialan (sekiranya ada) perlu disalurkan kepada Kerajaan Negeri Perak; dan
- 4.16 Keputusan Panel Penilai AIDR Peringkat Negeri Perak Tahun 2025 adalah **MUKTAMAD**.

5. FORMAT PERTANDINGAN AIDR PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN 2025

- 5.1 Setiap penyertaan perlu menghantar video pembentangan yang berdurasi **tidak melebihi sepuluh (10) minit dan** salinan *softcopy* poster projek inovasi untuk dinilai oleh panel penilai;
- 5.2 Panel penilai menilai berdasarkan kandungan persembahan video dan poster yang mengandungi maklumat berkaitan projek inovasi. Keputusan panel penilai yang dilantik adalah **MUKTAMAD dan sebarang rayuan tidak akan dilayan;**
- 5.3 Video pembentangan/ persembahan dan poster perlu dihantar melalui e-mel inovasi@perak.gov.my; dan
- 5.4 Video pembentangan/ persembahan dan poster projek yang **dihantar selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan.**

6. GARIS PANDUAN PENYEDIAAN VIDEO PEMBENTANGAN INOVASI DAN POSTER PROJEK INOVASI

- 6.1 Persembahan peserta bagi menyampaikan semua maklumat berkaitan projek inovasi adalah berbentuk penghasilan video dan poster projek inovasi mengikut kreativiti masing-masing;
- 6.2 Peserta mestilah menggunakan **alat perakam sendiri** sama ada perakam video/ telefon pintar untuk menghasilkan video yang berkualiti agar mudah dinilai oleh panel penilai berdasarkan kriteria penilaian kreativiti dan inovasi yang telah dinyatakan;
- 6.3 Format video yang ditetapkan adalah bentuk **.mp4** atau **.mpg** atau **.mov** atau **.wmv** sahaja. Manakala saiz fail video pembentangan adalah tidak melebihi **900 mb**;
- 6.4 Tempoh masa video adalah **tidak melebihi sepuluh (10) minit**. Tiada penilaian pemarkahan terhadap baki video persembahan yang melebihi tempoh sepuluh (10) minit (Contoh: Baki video minit ke 10.01 ke atas tidak akan dinilai);
- 6.5 Peserta perlu menghasilkan sebuah poster projek inovasi yang bersaiz A4 (8.27' x 11.69') sahaja;
- 6.6 Format poster yang ditetapkan adalah bentuk **.pdf** atau **.jpeg** atau **.png** sahaja.
- 6.7 Video pembentangan dan poster boleh menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris;
- 6.8 Namakan fail *softcopy* video pembentangan dan poster projek inovasi mengikut format **"AIDR_nama projek inovasi"**.
Contoh seperti berikut:

Kategori	Nama Projek Inovasi
Anugerah Inovasi Darul Ridzuan	Super Arora

Nama *softcopy* untuk video pembentangan dan poster bagi projek inovasi ini adalah “**AIDR_Super Arora**”;

6.8.1 Video pembentangan dan poster projek inovasi perlu dihantar melalui e-mel. Jika saiz fail video pembentangan projek inovasi terlalu besar untuk dihantar melalui e-mel, sila muat naik video tersebut ke dalam *google drive* atau *youtube* dan hantar pautan video tersebut ke e-mel urus setia inovasi@perak.gov.my.

7. PENILAIAN VIDEO PEMBENTANGAN DAN POSTER INOVASI

- 7.1 Bahan projek mestilah hasil karya asli peserta/ kumpulan;
- 7.2 Pemarkahan adalah berdasarkan **kandungan pembentangan/ persembahan video dan poster yang mengandungi maklumat berkaitan projek inovasi**;
- 7.3 Video pembentangan/ persembahan dan poster projek inovasi akan dinilai berdasarkan tujuh (7) kriteria seperti berikut:

BIL	KRITERIA UTAMA	MARKAH
1	Kreativiti	25
2	Kesignifikan (impak)	25
3	Kecekapan (contoh: penjimatan kos, masa, <i>user-friendly</i>)	25
4	Keberkesanan Kos	5
5	Potensi Pelaksanaan	10
6	Pembentangan	5
7	Poster	5
JUMLAH		100

8. GARIS PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN INOVASI

8.1 Penyediaan laporan inovasi adalah **diwajibkan**;

8.2 Laporan inovasi yang ditulis adalah **karya asli dan belum pernah diterbitkan dalam apa jua jenis penerbitan**;

8.3 Format Laporan Inovasi

- Kertas bersaiz A4 (8.27' x11.69')
- Margin 1 inci untuk semua sisi
- Laporan ditaip menggunakan fail **Microsoft Word-Compatible** dalam **jarak langkau satu perpuluhan lima (1.5)** menggunakan **font Arial bersaiz 12** dan **export kepada bentuk pdf**;
- Tidak memasukkan nombor muka surat, *header* dan *footer*
- Laporan inovasi ditulis dalam Bahasa Melayu;
- Panjang laporan inovasi **kurang daripada empat ribu (4,000) patah perkataan termasuk rujukan dan maksima 50 muka surat termasuk lampiran**;
- Kandungan laporan inovasi boleh ditulis dalam bentuk berikut:

BIL	KANDUNGAN LAPORAN	FORMAT LAPORAN
1	Tajuk Inovasi (Nama Projek)	• <i>Font Arial</i> bersaiz 24 (bold)
2	Nama Organisasi, Nama, Alamat dan E-mel	• <i>Font Arial</i> bersaiz 12(bold)
3	Abstrak	<ul style="list-style-type: none"> • Tajuk (bold) • <i>Font Arial</i> bersaiz 12 • Tidak melebihi 250 patah perkataan • Jarak langkau 1.5 • Justified
4	Objektif	<ul style="list-style-type: none"> • Tajuk (bold) • <i>Font Arial</i> bersaiz 12 • Jarak langkau 1.5 • Justified
5	Kedudukan sebelum inovasi dilaksanakan	
6	Masalah-masalah yang dihadapi	

BIL	KANDUNGAN LAPORAN	FORMAT LAPORAN
7	Inovasi yang telah dilaksanakan	<ul style="list-style-type: none"> • Tajuk (<i>bold</i>) • <i>Font Arial</i> bersaiz 12 • Jarak langkau 1.5 • Justified
8	Faedah-faedah daripada inovasi yang diperkenalkan	
9	Rujukan	

9. PROSES PEMILIHAN PEMENANG AIDR PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2025

- 9.1 Tapisan oleh pihak urus setia bagi memastikan calon memenuhi **syarat kelayakan penyertaan**;
- 9.2 Panel penilai akan membuat penilaian ke atas dokumentasi serta video yang diterima dan mengesyorkan senarai pendek projek inovasi yang layak untuk ke peringkat seterusnya.
- 9.3 Projek Inovasi yang telah disenarai pendek akan dijemput menghadiri **Sesi Pembentangan dan Penilaian Akhir AIDR Peringkat Negeri Perak Tahun 2025 pada bulan September 2025 (tertakluk kepada sebarang pindaan)**; dan
- 9.4 Hanya **Johan setiap kategori** yang memperoleh penilaian markah **80 peratus** dan ke atas sahaja yang layak untuk dipertandingkan/ menyertai **Anugerah Inovasi Menteri Besar Tahun 2025**.

10. TATACARA PERMOHONAN

Calon yang ingin menyertai AIDR Peringkat Negeri Perak Tahun 2025 perlu menyempurnakan tindakan-tindakan berikut:

- 10.1 Menghantar satu (1) salinan borang penyertaan AIDR Tahun 2025 (**cetakan daripada JOTFORM melalui imbasan kod QR di Lampiran A**) yang telah **disahkan oleh pihak pengurusan/ penghulu/ ketua kampung** masing-masing.
- 10.2 Mengemukakan **satu (1) laporan *hardcopy* dan satu (1) laporan *softcopy* dalam bentuk pdf** kepada urus setia pertandingan selewat-lewatnya pada **15 JULAI 2025**;
- 10.3 Bagi peserta yang telah disenarai pendek akan dipanggil untuk menghadiri Sesi Pembentangan dan Penilaian secara fizikal pada **September 2025 (tertakluk kepada pindaan)**; dan
- 10.4 Mengisi **senarai semak permohonan pertandingan AIDR Peringkat Negeri Perak Tahun 2025** di **Lampiran B**.
- 10.5 Untuk sebarang soalan lanjut berkaitan AIDR Tahun 2025, tuan/puan boleh menghubungi pihak urus setia seperti berikut:

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK
ARAS 1, BAHAGIAN KORPORAT
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH PERAK DARUL RIDZUAN

URUS SETIA PERTANDINGAN INOVASI

Nama : Puan Aimy Najwa binti Mohd Kharul Apendi
Puan Nour Hassuriaty binti Shamsudin
Cik Nurul Hidayah binti Khalit
Cik Wan Noor Syahirah binti Anuar

No. Tel : 05-2095000 samb. 5154/ 5196/ 5155

E-mel : inovasi@perak.gov.my

IMBAS KOD QR UNTUK PENDAFTARAN PERTANDINGAN



TAJUK PROJEK INOVASI

**SENARAI SEMAK BAGI PERMOHONAN PERTANDINGAN
ANUGERAH INOVASI DARUL RIDZUAN (AIDR)
PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2025**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa perkara-perkara di atas telah dipatuhi dengan mengemukakan borang permohonan AIDR Tahun 2025 berserta laporan yang dikehendaki:

(Sila tandakan / bagi yang berkenaan)

Satu (1) salinan borang penyertaan pertandingan AIDR Tahun 2025 (Cetakan daripada *JOTFORM*) yang telah disahkan oleh pihak pengurusan/ penghulu/ ketua kampung.

Satu (1) salinan Laporan Projek (*hardcopy*)

Satu (1) Laporan Projek (*softcopy*) dan video persembahan ke e-mel inovasi@perak.gov.my

Tandatangan;

.....
Nama:

Jawatan:

Jabatan:

Cop Jabatan:

Tarikh: